

08/08/2001

Pas masih gagal kemuka konsep negara Islam

Nasir Hassan; L C Fang

ISU penubuhan negara Islam menjadi medan Pas mempamerkan kehebatannya bermain tarik tali politik - satu hujungnya disentak DAP, manakala hujung yang lain, ditarik Pas penuh lembut dengan harapan mengendurkan kelantangan rakan sepermainannya secara psikologi.

Kekalutan kedua-dua parti mengenai isu itu kian menjadi-jadi dan sudah diduga sejak awal lagi. Tidak hairan ada yang melihatnya sebagai sandiwara semata-mata.

Mungkin tidak ramai yang mampu memahami teka teki dan sandiwara yang dimainkan pemimpin kedua-dua parti itu.

Berasaskan gaya dan gerak tarinya dalam politik, Pas sepatutnya tidak perlu menunggu terlalu lama untuk `bermain' dengan DAP yang menentang negara Islam. Pas sebenarnya mempunyai jalan paling mudah dalam permainan itu dengan menunjukkan jalan keluar kepada DAP daripada terus menjadi gunting dalam lipatan bagi pakatan pembangkang (Pas, DAP, Keadilan dan PRM).

Bagaimanapun, Pas sempat membendung sikap agresifnya kali ini, tidak seperti ketika isu mengkafirkan Umno. Pas jelas cepat belajar daripada keterlanjurannya yang menguntai banyak persoalan yang perlu dijawab hingga sekarang.

Hubungan kedua-dua parti politik itu kian terburai apabila pemimpin mereka mengeluarkan pelbagai kenyataan yang boleh menyinggung perasaan di antara satu sama lain.

Sebenarnya, isu penubuhan negara Islam wajar dinobat sebagai sandiwara terbaik Pas pada awal alaf ini, khususnya dalam menghidupkan watak bermuka-muka. Pas bertegas untuk menubuhkan negara Islam ketika berdepan dengan orang Melayu, sebaliknya bersikap `tidak apa' kepada masyarakat Cina.

Perlakuan itu jelas seperti yang diperkatakan Perdana Menteri bahawa Pas sering berdolak-dalik dalam isu itu apabila berhadapan dengan orang Melayu dan Cina.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas mengatakan "it's very ok" kepada orang Cina, tetapi dengan orang Melayu pula Pas berkata, "akan lakukan secara tegas".

Apa yang diperkatakan Perdana Menteri menunjukkan percanggahan kenyataan dua versi Pas yang tidak dapat disembunyikan lagi.

Kenyataan Pas berhubung ketegasannya menubuhkan negara Islam sebaik memerintah negara, bukanlah sesuatu yang terlepas cakap. Pas memang tahu hasrat itu akan ditentang orang bukan Islam, tetapi sengaja ingin menduga sekuat mana gelombang tentangan itu.

Dari awal lagi, Pas menyiapkan penghadang dengan mempromosikan pemerintahan Kelantan adalah model negara Islam. Mereka mempelawa orang Cina dari negeri lain melawat dan melihat kehidupan masyarakat Cina di negeri itu.

Lebih hebat, bagi memastikan isu itu tidak terlalu cepat ditolak masyarakat Cina, Pas menghasilkan produk manis mulut terbarunya dengan melantik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Kelantan, Anuar Tan Abdullah sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan Pas Pusat.

Namun begitu, Pas terpaksa akur penubuhan negara Islam sebagaimana dilaungkan Pas, dianggap mencabuli hak kepentingan pelbagai kaum, terutama membabitkan hak kebebasan beragama dan budaya.

Dalam hal ini, Pas belum dan mungkin tidak bertemu hujah persefahaman

dengan DAP, apatah lagi menjelaskan kepada masyarakat Cina mengenai konsep negara Islam yang dicanangnya.

Pendirian masyarakat Cina mengenai isu ini adalah jelas, mereka menolak secara total penubuhan negara Islam menurut konsep Pas. Bagi mereka, imej negara Islam yang dipupuk kerajaan Barisan Nasional (BN) sehingga diiktiraf negara Islam lain adalah terbaik.

Malah, kejayaan BN menerapkan unsur Islam dalam pelbagai bidang seperti penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sistem perbankan Islam dan pajak gadai Islam menarik perhatian negara Islam seluruh dunia mengangkat Malaysia sebagai model negara Islam sebenar. Bagi mereka model negara Islam yang diwujudkan BN adalah terbaik dan sepatutnya dicontohi Pas.

Pas sedar kebimbangan masyarakat Cina terhadap penubuhan negara Islam yang diuar-uarkannya kian membuak berikutan tindakan fanatik Islam di negara lain. Mereka sudah melihat tindakan drastik tentera Taliban memusnahkan semua patung di Afghanistan, termasuk patung Buddha setinggi 53 meter yang diukir pada abad ke-5 Masihi di Lembah Bamiyan.

Pas tidak harus menuding jari mengatakan MCA sengaja menakut-nakutkan masyarakat Cina dengan cerita benar seperti itu. Apa yang dilakukan MCA sekadar menjelaskan kepada masyarakat Cina 'balasan' yang bakal diterima jika Pas membentuk kerajaan.

Sesungguhnya, kehidupan masyarakat bukan Islam, khususnya Cina di Kelantan yang masih dapat mengamalkan kebebasan beragama (membina kuil, wat dan tokong), selain menjual beli daging babi dan arak menjadi modal Pas meraih sokongan masyarakat Cina di negeri lain.

Setiap bulan kerajaan Pas Kelantan menyambut kedatangan rombongan masyarakat Cina, sama ada dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau ahli DAP dengan mengadakan majlis makan malam atau dialog.

Langkah itu dianggap berkesan untuk mengabui minda serta persepsi 'masyarakat Cina luar Kelantan' terhadap kerajaan Pas, sehingga ada pelawat terbabit membuat andaian kerajaan Islam yang diamalkan Pas cukup relevan dan tidak menggugat hak kepentingan orang Cina.

Pas membuktikan layanan kepada penduduk Cina tetap seperti dulu (ketika pemerintahan BN) dengan menunjukkan kepada pelawat dua patung Buddha (berbaring dan bersila) terbesar di Asia Tenggara yang terletak di Tumpat. Namun hakikatnya mereka menyembunyikan fakta bahawa patung berkenaan sudah wujud pada masa BN memerintah Kelantan.

Begitu juga pasar Cina, pusat menjual daging babi secara terbuka yang terletak di tengah bandar Kota Bharu sering diangkat sebagai 'jasa' Pas kepada masyarakat Cina, sedangkan kerajaan BN yang membinanya.

Sebahagian besar 'nikmat' yang dikecapi masyarakat Cina sekarang sebenarnya adalah kesinambungan kepada apa yang tersedia ketika pemerintahan BN, oleh itu Pas bukanlah 'pejuang' tulen dalam hal ini.

Bak kata 'berat mata memandang berat lagi bahu memikul', pelawat Cina dari negeri lain perlu faham bahawa apa yang ditunjukkan itu adalah umpan bagi menjerat sokongan mereka.

Pemerhati politik berpendapat, belum tentu Pas akan mengekalkan keadaan itu jika parti berkenaan berjaya memerintah negara. Siapa berani meramalkan semua itu akan kekal selepas mendapat kuasa. Oleh itu, tiada sebab masyarakat Cina negara ini sanggup mempertaruhkan masa depan dalam telapak politik Pas.

Dalam konteks 'memelihara' sokongan masyarakat Cina, Pas sebenarnya mempunyai jalan mudah untuk keluar daripada kemelut pertikaian dengan DAP, iaitu ketepikan kerenah DAP yang asyik membuat ugutan untuk keluar daripada pakatan pembangkang.

Sama ada DAP terus berbumbungkan pakatan pembangkang atau Pas yang mengucapkan selamat tinggal, ia tidak dapat menyangkal dua hakikat,

pertama DAP hanya diperkudakan oleh Pas untuk meraih undi Cina ketika parti itu terumbang-ambing kerana ketandusan idea perjuangan.

Hasil persepakatan itu membolehkan Pas memperluaskan kuasa pemerintahan ke Terengganu selepas Kelantan.

Siapa yang meninggalkan siapa tidak lagi penting, Pas akan teruskan impiannya menubuhkan negara Islam, manakala DAP terus hanyut dengan slogan 'Malaysia Malaysian'.

Hakikat kedua, tanpa DAP pun Pas tetap melengkapkan pelbagai strategi bagi meraih sokongan masyarakat Cina kerana mereka sedar DAP bukan parti terbesar orang Cina, maka adalah lebih baik mereka berdepan secara langsung dengan masyarakat Cina.

Satu persoalan, jika Pas menggunakan cara ceramah berapi-api memaki hamun pemimpin kerajaan BN sebagaimana ceramah untuk ahlinya, ia bukan saja tidak sesuai, malah menakutkan pengundi Cina kerana selama ini mereka sudah serasi dengan ceramah politik MCA dan BN yang lebih mengutamakan isu, bukannya menghentam individu.

Justeru, Pas akan terus teraba-raba untuk memintas bantahan masyarakat Cina. Atas sebab itulah Pas belum berani berdepan dengan mereka.

Sesuatu yang menarik di Kelantan, masyarakat Cina kini siap sedia menyaksikan dialog yang bakal mempertemukan Pas dengan Dewan Perhimpunan Tionghua Kelantan (DPTK) bagi melihat konsep negara Islam secara lebih telus.

Dua minggu lalu, Yang Dipertua DPTK, Yap Kian Chaw 'menyampaikan' rasa bimbang masyarakat Cina terhadap negara Islam yang akan ditubuhkan Pas ketika berucap pada satu majlis yang turut dihadiri Anuar Tan. Kesudahannya, DPTK dicabar mengadakan dialog dengan Pas.

Logiknya, jika Pas benar-benar ikhlas menjelaskan konsep negara Islam, ia tidak perlu dihebahkan di Kelantan semata-mata, sebaliknya sudah lama Pas Pusat membuat kenyataan.

Pemerhati menganggap cabaran Pas untuk berdialog dengan DPTK sekadar melepaskan batuk di tangga kerana dialog itu nanti mungkin 'memakan diri' dan mengheret Pas ke kancah pertikaian yang lebih hebat.

Natijahnya, Pas tidak perlu adakan 'road show' atau dialog dengan masyarakat Cina, sebaliknya sahutlah cabaran Perdana Menteri supaya memperincikan secara bertulis rancangannya membentuk negara Islam yang dicita-citakan supaya semua rakyat dapat memahami dan menilainya.

Dr Mahathir berkata, kaum lain boleh berasa bimbang dengan cita-cita Pas itu kerana ia tidak diterangkan dengan terperinci.

"Mereka boleh bimbang kepada perkara yang mereka tidak tahu, jadi tolong tanya Pas apa jenis dan versi negara Islam yang mereka mahu itu," katanya.

Sehubungan itu, masyarakat Cina negara ini wajar mencari maksud yang tersirat di sebalik kata-kata Dr Mahathir: "Mereka (Pas) kata Umno tidak Islamik kerana kita ada mahkamah sivil, kita tidak ada hanya mahkamah syariah saja.

"Jadi, tolong tulis ini, negara Islam yang dicita-citakan Pas itu tiada mahkamah sivil, hanya ada mahkamah syariah saja. Jadi tolong jelas dengan betul-betul. Pada masa ini mereka kata tunggu sehingga menang, kemudian barulah beritahu."

Taktik Pas dalam menangani isu bantahan DAP terhadap penubuhan negara Islam yang menjadi hasrat Pas tidak dapat dinafikan lagi.

Mungkin kerana itu, ada pemerhati politik berpendapat Pas mungkin menjadi sebuah parti yang tersingkir daripada gabungan parti pembangkang di negara ini kerana pergolakan dalam gabungan itu dilihat memuncak dan menunggu kehancuran.

Keadaan itu ditambahkan pula dengan gertakan terbaru DAP untuk keluar daripada gabungan berkenaan kerana menentang hasrat pemimpin Pas menubuhkan negara Islam apabila rakyat memberi mandat memerintah negara

ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata perpecahan yang jelas berlaku itu sudah membuktikan gabungan parti alternatif semakin rapuh dan gagal mencapai hasrat itu.

Beliau berpendapat, tindakan DAP untuk keluar daripada gabungan pembangkang itu juga suatu perkara yang dihormati kerana adalah menjadi hak pemimpin masing-masing berbuat demikian.

Tengku Razaleigh berkata, DAP tidak sepatutnya mengumumkan hasrat untuk keluar daripada gabungan itu, sebaliknya boleh bertindak keluar begitu saja.

Ini kerana, katanya, gabungan parti alternatif itu tidak pernah didaftarkan dan pakatan yang dibuat hanya sebuah pertubuhan yang tidak pernah wujud dalam pendaftaran pertubuhan.

Kenyataan terbaru Bendahari Pas Pusat yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Paduka Abdul Halim Abdul Rahman memberi pengertian mengenai hubungan terbaru yang terguris antara kedua-dua parti itu.

Ketika ditemui pemberita di Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, Ahad lalu, beliau berkata Pas tidak akan menghalang DAP jika parti itu benar-benar berhasrat untuk menarik diri daripada pakatan pembangkang, berikutan penubuhan negara Islam yang diperjuangkan Pas.

Beliau berkata, setiap parti pembangkang mempunyai dasar perjuangan masing-masing sewajarnya menjaga perpaduan dalam pakatan itu.

Katanya, Pas akan terus memberi penerangan mengenai isu penubuhan negara Islam supaya semua parti dalam pakatan pembangkang memahami hakikat sebenar hasrat mereka.

(END)